

Sebanyak 30 peratus pantai Malaysia berdepan masalah hakisan

# Pantai Terengganu diancam hakisan

Oleh TAUFIK SALIMIN

**KUCHING** – Terengganu, Kelantan dan Johor menjadi antara tiga negeri yang diancam dengan masalah hakisan pantai berikutan perubahan iklim dunia yang berlaku ketika ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, selain perubahan iklim, ombak besar yang kuat di pantai turut memburukkan masalah tersebut.

Katanya, secara keseluruhan sebanyak 30 per-

atus daripada kawasan pesisiran pantai di negara ini berdepan masalah hakisan pantai yang agak serius.

“Setakat ini, Terengganu dilihat berdepan ancaman besar terhadap masalah tersebut manakala Johor dan Kelantan turut terkesan dengan hakisan pantai.

“Bagaimanapun beliau menjelaskan, hakisan itu juga bukan sahaja berlaku di dalam negara sebaliknya turut melanda banyak negara lain di seluruh dunia,” katanya pada sidang akhbar se-

lepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pengawalan Hakisan Pantai Kampung Santubong-Klinik Kesihatan-Pantai Puteri di sini semalam.

Tambahnya, menyedari ancaman hakisan pantai mengancam nyawa, rumah penduduk dan industri pelancongan, kementerian sedang berusaha menangani masalah itu secara berperingkat berikutan hakisan yang berlaku setiap negeri mempunyai situasi berbeza.

“Buat masa ini, kaedah terbaik mengawal situasi

## INFO

### Enam lokasi hakisan pantai


#### Terengganu

- Pantai Teluk Lipat, Dungun
- Bukit Keluang, Besut
- Pantai Kemasik, Kemaman
- Tanjung Gelam, Kuala Nerus
- Pantai Rusila, Marang

#### Kelantan

- Pantai Kundur, Kota Bharu

tersebut adalah *wave breaker* atau penahan ombak,” katanya.



GAMBAR fail menunjukkan hakisan pantai memusnahkan kediaman penduduk di Tanjung Gelam, Kuala Nerus beberapa tahun lalu.